



## Sektor awam, swasta perlu tingkat daya saing ekonomi melalui pendigitalan

Oleh Rafidah Mat Ruzki - September 6, 2022 @ 7:26pm

[fidahruzki@bh.com.my](mailto:fidahruzki@bh.com.my)



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali

PUTRAJAYA: Sektor awam dan swasta perlu meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan, dengan membangunkan infrastruktur digital, tenaga kerja berkemahiran digital serta mewujudkan masyarakat digital yang inklusif.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata kedua-dua sektor itu juga perlu menyediakan persekitaran digital yang terjamin dan beretika.

Beliau berkata, ia berikutan penularan pandemik di seluruh dunia sejak lebih dua tahun lalu membawa kesan yang amat besar dan menjadi pemangkin kepada pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cepat.

"Pendigitalan berlaku dengan begitu pantas dan juga meluas, yang melangkaui jangkaan kita. Pertumbuhan ekonomi dunia dan trend penyampaian perkhidmatan pada masa kini dilihat semakin dipacu oleh pendigitalan.

"Tingkah laku pengguna juga sudah mula beralih kepada pemilihan urusan yang cepat dan mudah secara dalam talian dengan menggunakan peranti mudah alih," katanya dalam ucaptama pada perasmian Persidangan Pendigitalan Pengurusan Rekod Sektor Awam 2022, di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Saraya Arbi.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Jaafar Sidek Abdul Rahman.

Mohd Zuki berkata, usaha awal penyampaian perkhidmatan secara dalam talian membawa perkhidmatan kerajaan ke hujung jari rakyat, manakala revolusi kerajaan elektronik kini melangkah lebih jauh dengan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan dan pusat data sektor awam (PDSA), yang menjadikan pengumpulan dan pengurusan data raya secara lebih berkesan dan lancar.

Beliau berkata, perkhidmatan "cloud" (awan) itu dapat mengurangkan kos kerajaan dalam pengurusan teknologi maklumat dalam jangka masa panjang dan membolehkan aplikasi data raya seperti kecerdasan buatan (AI), Internet benda (IOT), digunakan untuk memantapkan perkhidmatan kerajaan.

Pada masa sama, beliau berkata, bagi mencapai hasrat MyDigital, kerajaan mengambil beberapa inisiatif, antaranya pelaksanaan pengurusan rekod dalam persekitaran digital (DDMS) iaitu kolaborasi strategik antara Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

"Dengan terlaksananya DDMS, sistem pengurusan rekod kerajaan mengalami transformasi yang jelas serta banyak faedah yang akan diperoleh oleh kerajaan, termasuk mengurangkan penggunaan kertas, mempercepatkan capaian rekod dan mengelakkan kehilangan rekod.

"Menyedari kepentingan pematuhan prosedur keselamatan teknologi maklumat (ICT), DDMS turut dilindungi dengan protokol keselamatan ICT bagi memastikan rekod dan dokumen kerajaan sentiasa terpelihara.

"Justeru, penggunaan DDMS amat signifikan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang pantas dan tuntas," katanya.

Mohd Zuki berkata, DDMS juga akan diperluaskan ke seluruh sektor awam menjelang 2025, selaras dengan Program Pembudayaan Digital Sektor Awam yang diperkenalkan pada 2021.

Sementara itu, pada sidang media selepas program berkenaan, Saraya berkata, DDMS sudah digunakan oleh semua kementerian ketika ini, manakala kesedaran akan terus diberikan supaya lebih banyak jabatan dan agensi kerajaan menggunakan sistem itu.

"Sejak 2014 lagi kita sudah mula menggunakannya. Ketika ini, ada lebih 700 jabatan dan agensi dalam perkhidmatan awam dan sistem DDMS sudah digunakan di 280 jabatan dan agensi.

"Bermakna ada lebih separuh yang kita perlu pastikan mereka menggunakan sistem DDMS ini," katanya.